



Semakan Baki Secara Online

Panduan Mendaftar Sebagai Pengguna Portal myKOPERKASA


Versi 2.0

- 1) Buka portal myKOPERKASA di <https://www.koperkasa.com.my/mykoperkasa> menggunakan komputer / laptop atau telefon bimbit.



Pastikan komputer / laptop atau telefon bimbit anda mempunyai sambungan Internet untuk mengakses portal myKOPERKASA.

- 2) Klik butang “Daftar Baru”




- 3) Masukkan nombor MyKad dan nombor telefon bimbit mengikut format yang telah ditetapkan (contoh: MyKad 7501213-13-4450, nombor telefon bimbit 60198764321).



Pastikan anda mengikut format MyKad dan nombor telefon bimbit yang telah ditetapkan.

- 4) Klik butang “Teruskan”



- a. Sekiranya tiada rekod MyKad ditemui, sila hubungi atau pergi ke pejabat Koperkasa terdekat anda untuk memeriksa rekod keanggotaan anda.
- b. Sekiranya nombor telefon bimbit tidak sama dengan rekod Koperkasa, sila emel ke webmaster@koperkasa.com.my atau hubungi / pergi ke pejabat Koperkasa terdekat untuk mengemaskini nombor telefon bimbit anda dalam rekod keanggotaan anda.
- c. Sekiranya tiada masalah, terus ke langkah 5.

5) Maklumat keanggotaan anda akan dipaparkan seperti berikut:

- a. Nama
- b. Nombor Anggota
- c. Nombor Kad Pengenalan
- d. Status Keanggotaan
- e. Nombor Telefon Bimbit

Masukkan kata nama pengguna (*username*) mengikut pilihan anda dan emel.

6) Klik butang “**Teruskan**”

Teruskan

7) Ucapan tahniah atas pendaftaran sebagai pengguna baru akan dipaparkan dan satu **SMS** mengandungi kata laluan sementara (*temporary password*) untuk log masuk kali pertama akan dihantar ke nombor telefon bimbit anda.

Terima satu **SMS** dan ingat kata laluan sementara yang terkandung dalam **SMS**.

- a. Sekiranya **SMS** tidak diterima, sila emel ke webmaster@koperkasa.com.my atau hubungi pejabat Koperkasa terdekat untuk mendapatkan kata laluan sementara (*temporary password*).

8) Klik butang “**Log Masuk**”

Log Masuk

9) Masukkan:

- a. kata nama pengguna (*username*) yang telah diwujudkan semasa pendaftaran.
- b. kata laluan sementara (*temporary password*) yang diterima melalui **SMS**.
- c. kod pengesahan berdasarkan arahan yang tertera pada skrin.



Pastikan anda memilih kod pengesahan yang betul mengikut arahan (di bawah kotak Kod Pengesahan) dan dengan merujuk kepada contoh yang dipaparkan pada skrin. Sila rujuk contoh di muka surat 3.

Contoh Kod Pengesahan:

Arahan tertera adalah seperti berikut & perhatikan yang berwarna merah:

**“4 digit no. MyKad bermula daripada angka ke-6 /
4 digits MyKad no. Starting with the 6th number”**

Contoh nombor MyKad adalah **770324-13-5551**

Susunan angka adalah seperti berikut:

- 7 – angka pertama
- 7 – angka ke-2
- 0 – angka ke-3
- 3 – angka ke-4
- 2 – angka ke-5
- 4 – angka ke-6
- 1 – angka ke-7
- 3 – angka ke-8
- 5 – angka ke-9
- 5 – angka ke-10
- 5 – angka ke-11
- 1 – angka ke-12

Sekiranya arahan adalah angka **ke-6**, maka 4 digit tersebut adalah **4135** atau sekiranya arahan adalah angka **ke-3**, maka 4 digit tersebut adalah **0324**.

Perlu diingatkan bahawa arahan ini adalah tidak sama setiap kali halaman log masuk dibuka. Maka setiap log masuk akan memerlukan kod pengesahan yang berbeza namun hanya berdasarkan nombor MyKad anggota sendiri.

10) Klik butang “Log Masuk”



11) Skrin menukar kata laluan kali pertama akan dipaparkan


Masukkan:

- a. kata laluan baru (*new password*) mengikut pilihan sendiri (**minimum 8 aksara, minimum 1 huruf besar dan minimum 1 nombor**)
- b. Ulang kata laluan baru.



Pastikan anda mewujudkan kata laluan baru pilihan sendiri mengikut syarat-syarat minimum yang telah ditetapkan.

12) Klik butang “**Kemaskini**”



13) Menu utama akan dipaparkan yang mengandungi:

- a. Maklumat Peribadi
- b. Maklumat Simpanan
- c. Maklumat Pembiayaan
- d. Status Permohonan



TAHNIAH! Anda telah berjaya mendaftar sebagai pengguna portal myKOPERKASA dan telah berjaya log masuk pertama.

Soalan Lazim

- 1) Bagaimana untuk mengakses portal myKOPERKASA?

Alamat halaman portal ialah www.koperkasa.com.my/mykoperkasa dan boleh diakses menggunakan komputer, laptop, atau peranti telefon pintar (*smart phone*) melalui pelayar web (*web browser*) seperti Microsoft EDGE, Google Chrome, Mozilla Firefox atau Opera.

- 2) Bagaimana sekiranya saya terlupa kata nama pengguna (*username*)?

Sila emel ke webmaster@koperkasa.com.my atau hubungi pejabat Koperkasa terdekat untuk mendapatkan kata nama pengguna (*username*) anda.

Pengesahan pemanggil akan dibuat oleh kakitangan Koperkasa untuk memastikan pemanggil adalah anggota Koperkasa yang memiliki akaun myKOPERKASA tersebut.

- 3) Bagaimana sekiranya saya terlupa kata laluan (*password*)?

Sila ikut langkah berikut:

- i) Klik pada butang “Lupa Kata Laluan” pada menu di sebelah kiri




- ii) Masukkan nombor MyKad mengikut format yang telah ditetapkan (contoh: 7501213-13-4450)



Pastikan anda mengikut format MyKad yang telah ditetapkan.

- iii) Klik butang “Hantar”



- iv) Terima **SMS** yang mengandungi kata laluan sementara (*temporary password*)

- v) Log masuk menggunakan kata laluan sementara (*temporary password*)

- 4) Semasa mendaftar, apakah yang perlu dilakukan sekiranya portal myKOPERKASA memaklumkan nombor telefon bimbit saya tidak sama dengan rekod Koperkasa ?

Pastikan anda telah memasukkan nombor telefon bimbit mengikut format yang telah ditetapkan (format nombor telefon bimbit 60198764321)



Pastikan anda mengikut format nombor telefon bimbit yang telah ditetapkan.

Sekiranya masih tidak sama, kemungkinan Koperkasa tidak mempunyai rekod nombor telefon bimbit anda yang terkini atau tiada rekod.

Sila emel ke webmaster@koperkasa.com.my atau hubungi pejabat Koperkasa terdekat untuk mengemaskini nombor telefon bimbit anda dalam rekod Koperkasa.

- 5) Semasa mendaftar, apakah yang perlu dilakukan sekiranya kata nama pengguna telah wujud dalam rekod Koperkasa?

Ini adalah disebabkan kata nama pengguna tersebut telah digunakan terlebih dahulu oleh anggota yang lebih awal mendaftar. Setiap kata nama pengguna adalah unik dan tidak boleh sama antara satu sama lain.

Sila cuba gunakan kata nama pengguna yang lain.

- 6) Selepas selesai mendaftar kata nama pengguna yang baru, saya tidak menerima SMS yang mengandungi kata laluan sementara (*temporary password*) dan saya tidak boleh log masuk ke dalam portal myKOPERKASA?

Sila emel ke webmaster@koperkasa.com.my atau hubungi pejabat Koperkasa terdekat untuk mendapatkan kata laluan sementara (*temporary password*).

Pengesahan pemanggil akan dibuat oleh kakitangan Koperkasa untuk memastikan pemanggil adalah anggota Koperkasa yang memiliki akaun myKoperkasa tersebut.

NOTA PENTING

Untuk makluman, panduan ini disediakan berdasarkan kemaskini sistem portal myKOPERKASA setakat 31 Mei 2020.

Untuk memastikan portal myKOPERKASA sentiasa terkini, mudah dikendalikan oleh pengguna dan bebas daripada *error*, sistem portal akan sentiasa dikemaskini, diubah dan dinaiktaraf dari semasa ke semasa. Dengan perubahan tersebut, anda mungkin akan melihat antaramuka yang berbeza sedikit daripada yang terdapat pada panduan ini. Oleh itu, panduan terkini akan disediakan dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian.

Portal myKOPERKASA merupakan sistem yang pertama dibina dan dibuka kepada anggota oleh Koperkasa. Oleh itu, pihak Koperkasa berharap agar anda sebagai anggota Koperkasa dapat memberi sokongan kepada penggunaan portal ini.

Terima kasih & harap maklum.

Pengurusan KOPERKASA